

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.10 HINGGA NO. 54)

29 OCT 2015

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 9)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [SERDANG]
TARIKH : 29 OKTOBER 2015
SOALAN :**

YB Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan merancang untuk membuat vaksin pneumokokal mandatori memandangkan ia sudah wajib di lebih daripada 50 negara-negara membangun dan berada dalam senarai ubat-ubatan penting oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mempertimbangkan keperluan pemberian vaksin pneumokokal kepada kanak-kanak semenjak tahun 2010. Namun ia masih belum dimasukkan ke dalam Jadual Imunisasi Kanak-kanak Kebangsaan. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyarankan negara melaksanakan pemberian vaksin ini sekiranya kadar kematian kanak-kanak bawah lima (5) tahun melebihi 50 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup sedangkan di Malaysia kadarnya hanyalah sekitar 8.1 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup.

Penyakit pneumokokal pneumonia tidak termasuk dalam senarai penyakit yang perlu dinotifikasi di bawah Akta Penyakit Berjangkit 1988. Pemantauan penyakit ini hanya berdasarkan maklumat kemasukan pesakit ke hospital dan discaj mengikut Klasifikasi ICD-10 (semua jenis pneumonia). Bagi tahun 2009 sebanyak 10,503 kes kanak-kanak berumur bawah lima (5) tahun telah didiagnosa. Bilangan kes meningkat kepada 12,162 pada tahun 2010, sebanyak 12,792 pada 2011, menurun kepada 10,041 kes pada tahun 2012 dan sebanyak 10,323 pada 2013. Bilangan kematian usia bawah lima (5) tahun pada 2014 adalah sebanyak 4,787. Di mana 116 kes penyebab kematian dikategorikan sebagai masalah respiratori.

Bagi memasukkan pelalian pneumokokal ke dalam Jadual Imunisasi Kanak-Kanak Kebangsaan, kementerian memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM80 juta dan ia bersamaan dengan kos semasa bagi pemberian vaksin untuk melindungi kanak-kanak dari jangkitan 10 jenis penyakit cegahan vaksin. Kajian keberkesanan kos menggunakan data epidemiologi dan keberkesanan vaksin berdasarkan data tempatan diperlukan.

Pemberian vaksin akan memberi impak yang besar hanya sekiranya ia mempunyai padanan yang tinggi dengan jenis serotaip yang kerap menyebabkan jangkitan penyakit ini di Malaysia. Institut Penyelidikan Perubatan telah memulakan surveilan serotaip bakteria *Streptococcus pneumoniae* yang diperolehi dari hospital seluruh Malaysia bagi menentukan jenis yang paling biasa.

Pada masa ini vaksin pneumokokal ini telah berdaftar di Malaysia dan boleh diperolehi di klinik dan hospital swasta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD
RAHMAN [TANJUNG MANIS]**

TARIKH : 29 OKTOBER 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Datuk Hajah Norah Binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah teknologi yang akan digunakan oleh Malaysia untuk membangunkan projek kereta api berkelajuan tinggi (high speed rail/HSR) antara Kuala Lumpur dan Singapura dan adakah bentuk model pembangunan projek tersebut dengan pihak Kerajaan Malaysia (sebagai contoh sama ada secara PFI, kerjasama, turnkey atau design & build).

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, pihak SPAD berserta Kementerian Pengangkutan dan agensi-agensi kerajaan yang terlibat sedang memperhalusi dan meneliti segala aspek pembangunan keretapi laju, termasuk aspek komersil, teknikal dan perundangan. Walaubagaimanapun, butiran-butiran asas yang telah ditetapkan adalah penggunaan jenis "*conventional rail*" pada landasan berkembar berukuran "*standard gauge*" dan reka bentuk kelajuan maksima 350km/sejam.

Projek kini berada dalam fasa pembangunan yang melibatkan rundingan dua hala bersama pihak Singapura. Ini akan diikuti dengan fasa perolehan dan pembinaan. Keputusan penentuan teknologi hanya akan dibuat pada peringkat perolehan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pihak SPAD bersama pihak Land Transport Authority (LTA), Singapura, pada 7 Oktober 2015 yang lalu, telah melancarkan sebuah Kaji Selidik Pasaran melalui kaedah Permintaan Maklumat (*Request for Information*) untuk mengenal pasti minat dan pandangan pasaran tentang pendekatan dan struktur projek dari segi komersil dan teknikal. Kaji Selidik Pasaran ini dijangka tamat pada penghujung tahun. Hasil daripada kajian ini dijangka akan membantu kedua-dua Kerajaan membuat keputusan berkenaan pembentukan dan penentuan model pembangunan projek.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN SIM CHEE KEONG

TARIKH: 29 OKTOBER 2015

SOALAN:

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah mahasiswa yang menganggur mengikut pecahan gender, negeri, kaum, jurusan pengajian dan tahap pengajian tinggi.

PR-1333- L71463

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan Institusi Pengajian Tinggi atau *Tracer's Study*, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia bagi tahun 2014, terdapat sejumlah 157,619 graduan (75.1%) berjaya mendapat pekerjaan dalam masa 6 bulan selepas mereka tamat pengajian, manakala seramai 51,833 (24.9%) graduan yang belum bekerja dalam tempoh yang sama, yang terdiri daripada 18,318 graduan lelaki (35.3%) dan 33,515 graduan wanita (64.7%).

2. Berdasarkan kajian tersebut, purata kebangsaan bagi graduan yang belum bekerja adalah 24.9 peratus. Negeri-negeri yang mencatat peratus yang melebihi purata kebangsaan adalah negeri Kedah iaitu 26.8 peratus, negeri Kelantan iaitu 33.8 peratus, negeri Pahang iaitu 27.5 peratus, negeri Perlis iaitu 29.7 peratus, negeri Terengganu iaitu 34.3 peratus, negeri Sabah iaitu 35.2 peratus dan negeri Sarawak iaitu 29.1 peratus.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Manakala, jumlah graduan yang belum bekerja mengikut jurusan pengajian merangkumi bidang sastera dan sains sosial, bidang sains, bidang teknik, bidang teknologi maklumat dan komunikasi serta bidang pendidikan. Berdasarkan kajian ini, jumlah graduan menganggur dalam bidang sastera dan sains mencatat jumlah penganggur tertinggi iaitu seramai 26,376 orang iaitu 25.6 peratus, bidang sains mencatat jumlah penganggur kedua tertinggi iaitu seramai 7,409 orang iaitu 25.1 peratus, seterusnya bidang teknik seramai 11,661 orang iaitu 24.5 peratus, bidang teknologi maklumat dan komunikasi seramai 4,088 orang iaitu 23.5 peratus dan bidang pendidikan mencatat jumlah penganggur yang paling rendah iaitu seramai 2,685 orang iaitu 22.2 peratus.

4. Bagi jumlah graduan yang belum bekerja mengikut peringkat pengajian adalah seramai 52,219 orang iaitu sebanyak 24.9 peratus. Peringkat pengajian graduan merangkumi pengajian Doktor Falsafah (Ph.D), Sarjana, Diploma Lulusan Ijazah, Ijazah Pertama, Diploma

Lanjutan, Diploma, Sijil, Profesional dan Sijil Lepasan Ijazah. Jumlah graduan berkelulusan Doktor Falsafah (Ph.D) adalah seramai 133 orang iaitu sebanyak 9.6 peratus, graduan berkelulusan Sarjana adalah seramai 2,146 orang iaitu sebanyak 14.9 peratus, graduan berkelulusan Diploma Lepasan Ijazah adalah seramai 27 orang iaitu sebanyak 6.4 peratus, graduan berkelulusan Ijazah Pertama adalah seramai 28,700 orang iaitu sebanyak 31.1 peratus, graduan berkelulusan Diploma Lanjutan adalah seramai 640 orang iaitu sebanyak 24.7 peratus, graduan berkelulusan Diploma adalah seramai 20,180 orang iaitu sebanyak 21.4 peratus, graduan berkelulusan Sijil adalah seramai 355 orang iaitu sebanyak 8.4 peratus dan graduan berkelulusan Profesional adalah seramai 38 orang iaitu sebanyak 10.4 peratus.